

AMALAN PENTAKSIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KOLEJ
KOMUNITI DI NEGERI JOHOR

MOHD FADHLI BIN AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Ikhtisas Pendidikan
Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL, 2008

Salam sayang buat...

*Ayahanda, bonda dan keluarga tercinta..
Ahmad Bin Hj Ab Latif & Siti Minah @ Sanah Binti Abdullah...
Jasa dan pengorbanan kalian tidak ternilai harganya..*

*Buat penyelia, Dr. Asri Bin Selamat..
tunjuk ajar dan jasamu tidak akan ku lupakan....*

*Buat sahabat-sahabatku dari MBV sesi Disember 2006 – Mei 2008...
bantuan kalian amatlah dihargai...*

Hanya ini yang mampu ku ucapkan....

*Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih..
Semoga Allah membala jasa baik kalian semua...*

Wassalam

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan dengan jayanya kajian projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ini.

Di kesempatan ini, sekalung penghargaan buat Dr. Asri Bin Selamat selaku penyelia projek ini di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh perlaksanaan kajian. Terima kasih buat pensyarah di seluruh Kolej Komuniti di negeri Johor di atas kerjasama yang diberikan bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini.

Tidak ketinggalan kepada ayahanda bonda sekeluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan selama ini. Seterusnya, buat seluruh pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM serta teman-teman seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

Semoga segala bantuan dan usaha yang telah dicurahkan selama ini mendapat balasan baik dan keberkatan daripada Allah. Wassalam.

ABSTRAK

Proses pentaksiran adalah sangat penting dalam menilai perkembangan pencapaian pelajar dan juga mentafsir tahap mutu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenal pasti sama ada amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di Negeri Johor dilaksanakan dengan mengikut prosedur yang betul atau pun tidak. Kajian ini dijalankan di seluruh kolej komuniti di negeri Johor dengan menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik dan senarai semak dengan sampel kajian terdiri daripada 127 orang pensyarah bagi soal selidik dan 3 orang pensyarah bagi senarai semak yang dipilih secara rawak. Dapatkan kajian dianalisis menggunakan peratusan dan skor min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS for Windows, Version 15.0)*. Nilai *Alpha Cronbach's* yang diperoleh hasil daripada kajian rintis adalah 0.983, bermakna borang soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dalam mengumpul data kajian. Hasil analisis kajian sebenar menunjukkan skor min keseluruhan adalah 4.214 yang menggambarkan tahap kefahaman dalam amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap tinggi. Proses pentaksiran yang dijalankan juga berdasarkan prosedur yang betul seperti mana yang telah digariskan dan dapatkan juga menunjukkan amalan-amalan, teori-teori dan prinsip-prinsip pengukuran dan penilaian pendidikan dalam membuat pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dipatuhi iaitu berada pada tahap yang tinggi. Hasil daripada dapatkan kajian, suatu cadangan dikemukakan terhadap beberapa pihak yang terbabit dalam memartabatkan lagi amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dan cadangan terhadap kajian lanjutan juga turut juga dimuatkan.

ABSTRACT

Evaluation process is vital in assessing student's performance as well as interpreting the quality of the implemented teaching and learning method. Hence, this research was conducted to identify whether the evaluation of teaching and learning process done in Community Colleges across the state of Johore has been carried out according to the intended procedures and practices. Questionnaires and checklists are the instrument used for the research whereby samples of 127 plus another 3 lecturers were randomly selected for the instruments respectively. The data were analyzed in terms of percentage and means score through the use of Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 15.0. Pilot test shows that high Alpha Cronbach's value of 0.983 means the questionnaires have high reliability to collect research data. The means score of 4.214 portrayed the high handedness in implementing the evaluation process of teaching and learning. The evaluation done is also based on the right procedures as being mentioned and the result indicates that the acts, theories and principals of assessment of education in evaluating the teaching and learning process are highly being followed in the right manner. Based on the result of the research, some suggestions are being prolonged to the particular personnel for the sake of enhancing the method of evaluation of teaching and learning. Suggestions for further research are being mentioned as well as.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Pentaksiran	1
1.1.2	Kolej Komuniti	3
1.2	Latar Belakang Masalah	5
1.2.1	Isu Pentaksiran Dalam Pendidikan	5

1.2.2	Isu Kolej Komuniti	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Matlamat	9
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Persoalan Kajian	10
1.7	Kerangka Teori	11
1.7.1	Penilaian Bilik Darjah	12
1.7.2	Pelaksanaan Penilaian	13
1.7.3	Prinsip Pembinaan Ujian	14
1.7.4	Aras Taksonomi Bloom	14
1.7.5	Kaedah Pemarkahan	15
1.7.6	Bentuk Item	16
1.7.7	Analisis Item	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Skop Kajian	19
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	19
1.10.1	Amalan	19
1.10.2	Pentaksiran	20
1.10.3	Pengajaran dan Pembelajaran	20
1.10.4	Pentaksiran Kolej Komuniti	21
1.10.5	Kolej Komuniti	21
1.11	Kesimpulan	22
BAB II	KAJIAN LITERATUR	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Pembinaan Ujian	23
2.3	Teknik Penilaian: Penilaian Formatif dan Sumatif	24
2.4	Kebolehpercayaan Terhadap Pemeriksaan Skrip Jawapan Calon	26

2.5	Kebolehpercayaan Pemeriksaan dan Keboleharapan Pentaksiran Berasaskan Kolej	28
2.6	Kesesuaian Instrumen Pentaksiran Dalam Sistem Peperiksaan	31
2.7	Keupayaan Pensyarah Membina Instrumen Pentaksiran	33
2.8	Penjenamaan Semula Kolej Komuniti	36
2.9	Format Pentaksiran Kolej Komuniti	36
	2.9.1 Kaedah Amali	37
2.10	Kesimpulan	38
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	40
3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi dan Sampel	42
3.4	Lokasi Kajian	45
3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1 Soal Selidik	46
	3.5.2 Senarai Semak	48
3.6	Kajian Rintis	50
	3.6.1 Kesahan Item Soal Selidik	50
	3.6.2 Kebolehpercayaan	51
3.7	Analisis Data	53
3.8	Pentadbiran Kajian	55
3.9	Kesimpulan	56
BAB IV	DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	57
4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Borang Soal Selidik:	

	Bahagian A (Demografi)	58
4.3	Analisis Borang Soal Selidik: Bahagian B (Pentaksiran)	60
4.4	Dapatan Senarai Semak	69
4.5	Kesimpulan	73
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	75
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Persoalan 1: Tahap penguasaan amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah di kolej komuniti	76
5.2.2	Persoalan 2: Proses penyediaan soalan, mentadbir dan mentafsir dalam melaksanakan ujian bilik darjah yang dijalankan di Kolej Komuniti	82
5.2.3	Persoalan 3: Pematuhan terhadap amalan-amalan, teori-teori dan prinsip-prinsip Pengukuran dan Penilaian Pendidikan dalam pengujian di Kolej Komuniti	89
5.3	Kesimpulan	91
5.4	Cadangan	92
5.4.1	Cadangan Kepada Kolej Komuniti	93
5.4.2	Cadangan Kepada Pensyarah	94
5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.5	Penutup	96

BIBLIOGRAFI

97

LAMPIRAN

101



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jumlah Populasi Kajian	42
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel daripada Populasi	43
3.3	Jumlah Sampel Kajian	44
3.4	Kolej Komuniti di Negeri Johor	45
3.5	Kandungan Soal Selidik dan Jumlah Item	47
3.6	Soal Selidik Berdasarkan Skala Likert	48
3.7	Item Senarai Semak	48
3.8	Kesahan Item Soal Selidik	51
3.9	Nilai <i>Alpha Cronbach's</i> Mengikut Bahagian	52
3.10	Tafsiran Min	53
3.11	Analisis Data	53
3.12	Pentadbiran Kajian	55
4.1	Jadual Demografi	59
4.2	Konsep Asas Pentaksiran	60
4.3	Prinsip-Prinsip Am Ujian	61
4.4	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Klasifikasi)	62
4.5	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Format Ujian)	63
4.6	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Arahan Ujian)	64
4.7	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Cetakan)	64
4.8	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Mentadbir Ujian)	65
4.9	Perancangan Ujian Bilik Darjah (Analisis Ujian)	66

4.10	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Ujian	66
4.11	Jadual Penentuan Ujian	67
4.12	Aras Kemahiran Item	68
4.13	Dapatan Senarai Semak	69
5.1	Kepatuhan Terhadap Prinsip-Prinsip Penilaian Pendidikan	89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

BPPKK	-	Bahagian Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti
CAT	-	<i>Classroom Assessment Technique</i>
HPNM	-	Himpunan Purata Nilai Mata
ICT	-	<i>Information & Communication Technology</i>
JPPKK	-	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
JPU	-	Jadual Penentuan Ujian
KJKK	-	Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
PA	-	Penilaian Akhir
PAR	-	Pembantu Am Rendah
PB	-	Penilaian Berterusan
PPP SISWAZAH	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	102
B	Borang Semakan Soal Selidik	110
C	Surat Kebenaran Membuat Kajian	114
D	Dapatan Soal Selidik Menggunakan Perisian SPSS 15.0	123
E	Prosedur Kerja Peperiksaan Akhir	134
F	Minit Mesyuarat Penyelarasan	137
G	<i>Classroom Assessment Technique</i>	141
H	Laporan Keputusan Peperiksaan	150
I	Contoh Soalan dan Skema Jawapan Yang Dibina Oleh Responden	159
J	Jadual Penentuan Ujian	164
K	Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2000	170
L	Borang Analisis Statistik Pencapaian Pelajar	179

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan beberapa topik dan isu yang relevan dengan kajian. Antaranya ialah pentaksiran, Kolej Komuniti, isu pentaksiran dalam pendidikan dan isu Kolej Komuniti. Isu-isu tersebut dijadikan landasan kepada pernyataan masalah kajian ini. Pengkaji juga mengetengahkan konsep-konsep berkaitan pentaksiran dan kerangka teori yang dijalankan.

1.1.1 Pentaksiran

Menurut Esah (2004), pentaksiran ialah satu proses mengumpul maklumat dengan menggunakan sesuatu teknik dan alatan yang bersesuaian untuk tujuan pertimbangan dalam membuat penghakiman tentang produk sesuatu proses pendidikan. Secara konsep, pentaksiran merupakan satu episod dalam proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti mengurai, mengumpul, merekod, memberi

skor dan menginterpretasikan maklumat tentang pembelajaran seseorang pelajar bagi sesuatu tujuan. Dalam sistem pendidikan, pentaksiran adalah untuk menilai secara formal kualiti sesuatu fenomena dalam pendidikan. Pentaksiran berlaku terus menerus sepanjang hayat manusia, sama seperti proses pembelajaran. Proses ini melibatkan proses pengumpulan, penganalisaan dan penyatupaduan maklumat.

Abu Bakar (1986) mentakrifkan pentaksiran sebagai satu proses meliputi penentuan objektif, pengutipan maklumat dan pembentukan kesimpulan. Apabila proses ini berjalan dengan sistematik dan saintifik, keputusan yang dibuat akan lebih tepat dan dengan itu dapat memenuhi tujuan keputusan itu dibuat. Pentaksiran juga boleh dijelaskan sebagai penglibatan beberapa proses kecil seperti penentuan objektif, pengumpulan maklumat yang relevan, pemprosesan maklumat, pembentukan kesimpulan yang relevan dan memenuhi tujuan penilaian.

Pentaksiran berkait rapat dengan kurikulum. Kurikulum merupakan elemen utama dalam proses pendidikan. Finch dan Crunkilton (1999) telah menjelaskan bahawa kurikulum bermaksud beberapa aktiviti pembelajaran dan pengalaman yang diperlukan oleh pelajar di bawah kawalan institusi pendidikan dan merangkumi dua kategori keperluan pendidikan secara lebih luas iaitu pendidikan sepanjang hayat dan pendidikan untuk menyara kehidupan.

Secara umumnya pentaksiran boleh difahami sebagai sebarang kaedah yang digunakan untuk menambah kefahaman tentang pengetahuan semasa yang dimiliki oleh pelajar. Hal ini bermaksud pentaksiran merupakan suatu penilaian subjektif pensyarah berdasarkan satu pemerhatian ke atas pencapaian pelajar.

1.1.2 Kolej Komuniti

Malaysia sebagai sebuah negara membangun memerlukan tenaga kerja yang cukup bagi menggerakkan ekonomi dalam mencapai matlamat wawasan 2020. Perkara ini dapat direalisasikan dengan melahirkan pekerja mahir dan berpengetahuan melalui aktiviti latihan, pendidikan dan pembangunan. Proses melahirkan individu yang berkemahiran dan berpengetahuan ini dapat dicapai dengan memaksimumkan peranan Kolej Komuniti sebagai institut yang memberikan latihan dan pembelajaran terhadap seseorang individu.

Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia merupakan institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).

Dalam mencapai matlamat tersebut, Kolej Komuniti berperanan dalam:

- i. Menganjur dan mewujudkan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah.
- ii. Menawarkan kursus-kursus peringkat sijil dan diploma bagi lepasan SPM.
- iii. Menganjur dan menyediakan pendidikan sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan.
- iv. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula untuk keperluan tenaga kerja setempat.
- v. Menyediakan rangkaian strategik untuk pengukuhan aktiviti sosioekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pihak berkepentingan.
- vi. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti

Dalam isu pentaksiran, Unit Peperiksaan dan Penilaian, Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti bertanggungjawab ke atas pentaksiran yang dilakukan iaitu dalam urusan penilaian berterusan, bank soalan dan penilaian program serta kajian pengesanan dan lulusan. Pengujian dan pengukuran adalah berasaskan objektif kurikulum yang dilaksanakan di Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Fungsi Unit Peperiksaan dan Penilaian adalah merancang, mengurus dan mengawal selia pelaksanaan sistem peperiksaan dan penilaian bagi program kursus di Kolej Komuniti agar berjalan lancar (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). Fungsi ini meliputi:

- i. Merancang dan mengurus penambahbaikan berterusan pelaksanaan sistem peperiksaan dan penilaian bagi program kursus.
- ii. Membangun dan menguruskan penggunaan sistem maklumat bagi urusan peperiksaan dan penilaian program kursus.
- iii. Menggubal dan mengukuhkan metodologi dan alat pengujian dan pengukuran serta kaedah pemarkahan bagi menilai pelajar berdasarkan kurikulum.
- iv. Mengkaji dan melaksanakan usaha-usaha ke arah mempertingkatkan mutu pengujian dan pengukuran serta penanda aras amalan-amalan baik.
- v. Merancang dan menghasilkan artikulasi untuk lulusan Kolej Komuniti ke Politeknik dan Institusi Pengajian Tinggi lain dengan menyediakan kertas kerja bagi mendapatkan pengecualian kredit mata pelajaran tertentu dari universiti tempatan dan luar negara.
- vi. Mengurus rangkaian pengkomputeran dan capaian internet Kolej Komuniti bagi tujuan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus formal dan kursus sepanjang hayat.
- vii. Memantau pelaksanaan program melalui senarai semak, analisa laporan dan sesi lawatan pemantauan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dua isu pendidikan dijadikan landasan sebagai latar belakang masalah kajian iaitu isu pentaksiran dalam pendidikan dan isu Kolej Komuniti.

1.2.1 Isu Pentaksiran Dalam Pendidikan

Sistem penilaian di Kolej Komuniti menggunakan sistem penilaian semester yang dilakukan secara berterusan dalam suatu semester tersebut. Sistem semester menggalakkan para pelajar mengulang kaji sepanjang masa dan akan menambahkan motivasi pelajar kerana mereka harus sentiasa tekun mengulang kaji pelajaran dan menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). Ini selaras dengan penjenamaan Kolej Komuniti yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan dan potensi kolej ini sebagai pusat atau hub pembelajaran sepanjang hayat.

Antara elemen dalam penjenamaan semula Kolej Komuniti adalah mempertingkatkan kualiti kursus yang ditawarkan termasuk sistem penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran serta memastikan kursus yang ditawarkan menepati keperluan masyarakat (Angelina, 2007). Sistem penilaian Kolej Komuniti perlu dikemas kini bagi menjadi landasan untuk mengukur kemampuan pelajar dan pensyarah dengan tepat selaras dengan misi memartabatkan Kolej Komuniti.

Peperiksaan merupakan penanda aras terhadap kecemerlangan pelajar dan sesebuah institusi tersebut (Abd Rahim, 2002). Prestasi pelajar dipengaruhi oleh dua faktor penting iaitu kegiatan mereka mengulang kaji dan menjawab soalan peperiksaan. Di institut pengajian tinggi, soalan yang mempunyai bentuk seperti

soalan peperiksaan piawai berjaya dijawab oleh pelajar kerana mereka telah pun pakar dalam bidang tersebut. Hanya sebilangan kecil pelajar yang boleh menjawab soalan-soalan melibatkan kaedah analisis peringkat tinggi. Keadaan ini dapat membezakan mereka yang cemerlang dan mereka yang sederhana.

Dalam konteks kecemerlangan, ia juga melibatkan sistem penilaian kerana sistem itu yang menentukan kecemerlangan seseorang. Pensyarah harus membuat sekurang-kurangnya dua keputusan utama dalam menentukan kaedah penilaian. Pertama, adakah prestasi berdasarkan rujukan norma atau rujukan kriteria? Kedua, apakah tahap minimum cemerlang atau gagal? Pelajar yang kurang upaya akan tertinggal sekiranya tahap prestasi berdasarkan kriteria kebolehan pelajar yang lebih upaya. Sekiranya tahap penggredan bergantung pada silabus tanpa mengambil kira latar belakang pelajar, pengujian akan banyak bergantung pada hafalan bahan daripada menguji kebolehan pelajar dalam menggunakan ilmu. Pelajar dari kumpulan pencapaian bawah sudah tentu akan gagal jika kaedah rujukan norma dan rujukan kriteria digunakan. Tahap cemerlang atau gagal mesti diubah suai mengikut rujukan kriteria pensyarah dan berpandukan tahap penggredan yang telah ditentukan oleh pihak kolej.

1.2.2 Isu Kolej Komuniti

Pendidikan melalui latihan dan pembelajaran merupakan suatu langkah penting dalam menyediakan sumber tenaga kerja dalam memenuhi tenaga kerja. Penubuhan Kolej Komuniti merupakan langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani isu kekurangan tenaga kerja khususnya dalam bidang teknikal.

Penubuhan Kolej Komuniti berbeza dengan institut pengajian tinggi yang lain. Pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan di Kolej Komuniti lebih menekankan kepada aspek amali berbanding penekanan terhadap aspek teori. Sehubungan dengan itu, proses penilaian yang digunakan adalah 25 peratus bagi markah teori dan 75 peratus bagi markah amali daripada markah keseluruhan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). Peratusan yang tinggi dalam markah penilaian amali memerlukan pelajar menguasai kemahiran praktikal dalam sesuatu kursus yang diambil bagi memastikan mereka lulus. Jika seseorang pelajar memperoleh markah yang tinggi dalam kemahiran amali, pelajar tersebut mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat markah akhir yang tinggi bagi kursus yang diambil.

Pencapaian pelajar dalam kemahiran amali berkait rapat dengan pentaksiran yang dilakukan oleh pensyarah yang melibatkan pengujian, pengukuran dan penilaian. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil pentaksiran yang dilakukan memberi maklumat mengenai keberkesanannya dan pencapaian terhadap matlamat pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sama ada tercapai ataupun tidak. Ini menunjukkan betapa pentingnya pentaksiran dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Esah, 2004).

Pentaksiran dalam aspek amali berbeza dengan pentaksiran dalam aspek teori. Pentaksiran aspek teori pembelajaran banyak melibatkan pen dan kertas manakala pentaksiran aspek amali melibatkan penglibatan pensyarah secara terus terhadap pemerhatian, pengujian, semakan, penelitian dan sebagainya. Perbezaan yang wujud dalam pentaksiran kerja amali dan teori ini menunjukkan kemungkinan terdapat sedikit masalah dalam melakukan proses pentaksiran.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat pemahaman pensyarah terhadap kemahiran melaksanakan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga bagi melihat sejauh mana amalan pentaksiran mematuhi teori, prinsip dan prosedur pengukuran dan penilaian pendidikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Sistem pentaksiran pendidikan merupakan salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam menentukan aras pencapaian akademik pelajar serta dapat mengetahui tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Sistem pentaksiran yang baik mampu mencungkil potensi dan bakat pelajar seterusnya dapat merangsang motivasi pelajar untuk memperbaiki mutu, prestasi dan pencapaian akademik (Hishammuddin, 2006 dan Esah, 2004). Sewajarnya para pendidik dibekalkan dengan ilmu pentaksiran pendidikan dalam merealisasikan matlamat tersebut. Namun, sebaliknya akan berlaku jika pensyarah gagal melaksanakan penilaian dengan berkesan. Dalam konteks Kolej Komuniti pula, melalui penjenamaan semula Kolej Komuniti pada 2 Februari 2007, suatu usaha dilakukan untuk meningkatkan prasarana, tahap kursus, kualiti kursus yang ditawarkan meliputi sistem penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran yang bermatlamat melahirkan pelajar yang berkualiti (Angelina, 2007).

Hasil daripada kajian Mohd Safarin *et al.* (2005) pula, beliau menyarankan bagi setiap lima tahun sekali, kurikulum-kurikulum yang sedia ada perlulah dikaji dan dinilai semula bagi memantapkan sesbuah institusi pendidikan sejajar dengan kemajuan sains dan teknologi. Abd. Ghani *et al.* (2005) pula menegaskan sistem pengurusan sesbuah institusi pendidikan, sistem pentaksiran dan penilaian dan lain-lain komponen pengurusan perlu diubah suai seiring dengan perkembangan ICT. Selaras dengan genapnya lima tahun penubuhan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan penjenamaan semula Kolej Komuniti oleh Perdana Menteri Malaysia, wajarnya suatu kajian terhadap amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dijalankan bagi melihat sejauh mana perkembangan sistem pentaksiran yang telah dijalankan dalam memenuhi amalan penilaian yang sebenar dalam pendidikan. Pengetahuan, pemahaman dan penggunaan mengenai pentaksiran pendidikan ini sangat penting terhadap pensyarah bagi memastikan penilaian yang dijalankan terhadap pelajar dapat dilaksanakan dengan adil dan berkesan seterusnya dapat meningkatkan kualiti aspek pengajaran dan pembelajaran itu sendiri.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama sejauh mana amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di negeri Johor dilaksanakan dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kefahaman amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti.
- ii. Menilai proses penyediaan soalan, mentadbir dan mentafsir dalam melaksanakan ujian bilik darjah yang dijalankan.
- iii. Mengenal pasti sejauh mana amalan-amalan, teori-teori dan prinsip-prinsip pengukuran dan penilaian pendidikan dalam pengujian dipatuhi di Kolej Komuniti.

1.6 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah tahap kefahaman amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti?
- ii. Bagaimanakah proses penyediaan soalan, mentadbir dan mentafsir dalam melaksanakan ujian bilik darjah yang dijalankan di Kolej Komuniti?

- iii. Setakat manakah amalan-amalan, teori-teori dan prinsip-prinsip pengukuran dan penilaian pendidikan dalam pengujian dipatuhi di Kolej Komuniti



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BIBLIOGRAFI

Abu Bakar Nordin (1986). "Asas Penilaian Pendidikan." Heinemann: Kuala Lumpur.

Abd. Ghani Jaafar dan How Lee Chan (2005). "Konsep dan Perlaksanaan Sekolah Bestari di Malaysia." Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, UTM.

Abd Rahim Abd Rashid (2002). "Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial Teori dan Amalan." Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Rahim M. Ali (2001), "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI", Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

Abdullah Junus (1992). "Taksonomi Objektif Pendidikan, Buku Pedoman 1 : Domain Kognitif." Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Airasian, P.W. (1997). "Classroom Assessment." The McGraw-Hill: New York.

Angelina Sinyang (2007). "Penjenamaan Semula Kolej Komuniti." Utusan Malaysia, 9 Julai.

Asri Selamat (2007). "Amalan Pentaksiran Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah Bestari." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.

Bhasah Abu Bakar (2003). "Asas Pengukuran Bilik Darjah." Quantum Books: Tanjung Malim.

Ebel, R.L. and Frisbie D.A. (1991). "Essentials of Educational Measurement." Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.

Chua Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan." Buku 1. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1992). "Pedagogi Satu Pengenalan." Edisi Ketiga. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Esah Sulaiman (2004). "Pengenalan Pedagogi." Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Ta'zim.

Finch, C.R. and Crunkilton, J.R. (1999). "Curriculum Development in Vocational and Technical Education : Planning, Content and Implementation." Boston: Allyn and Bacon.

Gredler, M.E. (1997). "Learning and Instruction : Theory Into Practice." 3rd Edition. New Jersey: Prentice-Hall.

Gronlund, N.E. and Robert L.L. (1990). "Measurement and Evaluation in Teaching." 6th Edition. Macmillan: New York.

Hishammuddin Tun Hussein (2006). "Menjana Kecemerlangan Pendidikan Melalui Pentaksiran." Teks Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Jubli Emas Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). "Kamus Dewan." Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). "Politeknik dan Kolej Komuniti." Kuala Lumpur.

Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). "Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian." Kuala Lumpur.

Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement*, 1970, 30, 607-610.

Mohamad Sahari Nordin (2002), "Pengujian dan Penaksiran Di Bilik Darjah". Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd Salleh dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 11.0 for Windows." Kuala Lumpur: Verton Publishing.

Mohd Safarin Nordin, Mohd Zolkifli Hamid dan Mohd Khata Jabor (2005). "Tahap Keyakinan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti." Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, UTM

Marohaini Yusoff (2001). "Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian." Penerbit Universiti Malaya.

McCormick, R. and James M. (1983). "Curriculum Evaluation in Schools." 2nd Edition. Routledge: London.

McMillan, J.H. (1997). "Classroom Assessment: Principles and Practice for Effective Instruction." Boston: Allyn and Bacon.

Mokhtar Ismail (1995). "Penilaian di Bilik Darjah." Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mohd. Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mohd. Najib Ghafar (1997). "Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah." Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2002). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah)." Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nitko, A.J. (2004). "Educational Assessment of Students." Upper Saddle River, NJ: Merrill.

Nordin Kardi (2007). "Peperiksaan Ganti Pendidikan?." Utusan Malaysia, 21 April.

Oosterhof A. (1994). "Classroom Applications of Educational Measurement." 2nd Edition. Upper Saddle River, N.J: Merrill, Prentice Hall.

Wiersma, W. (1995)."Research Method in Education". Allyn & Bacon: Boston.

Yin, R.K. (1994). "Case Study Research: Design and Methods." Thousand Oaks, CA: Sage Publications.